

20 Januari 2018

## Kastam patah cubaan seludup matawang asing

1,020 keping dolar Taiwan disorok dalam patung beruang

# Kastam patah cubaan seludup matawang asing

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
pengarang@utusan.com.my

■ **SEPANG 19 JAN.**

**J**ABATAN Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) berjaya mematahkan cubaan menyeludup matawang tidak diikrarkan semalam yang disembunyikan di dalam patung beruang.

Ketua Pengarah JKDM, Datuk Seri T. Subromaniam berkata, cubaan menyeludup itu melibatkan 1,020 keping matawang dolar Taiwan denominasi NT\$1,000 bernilai lebih kurang NT\$1.02 juta atau kira-kira RM136,502.94.

“Wang tunai berkenaan dalam bentuk beberapa ikat diisi ke dalam patung beruang bersaiz kira-kira 50 sentimeter sebelum dijahit dari luar,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Menurut beliau, pihaknya turut menahan dua lelaki warga Nigeria berumur 29 dan 30 tahun kerana gagal mengikrar wang tunai bernilai lebih AS\$10,000 yang dibawa.

Sementara itu, Subromaniam berkata, pihaknya juga berjaya menahan dua wanita warga India kerana menyembunyikan dadah *methamphetamine* dalam bekas bedak untuk diseludup masuk ke negara ini.

Beliau berkata, suspek yang merupakan pasangan adik-beradik itu ditahan pasukan penguatkuasaan JKDM di KLIA2 sejurus tiba dari Chennai, India pada pukul 7.30 pagi, 4 Januari lalu kerana dilihat dalam keadaan mencurigakan.

Katanya, hasil pemeriksaan terhadap dua bagasi milik mereka menemukan bekas bedak yang mengandungi 10.50 kilogram (kg) *methamphetamine* dianggarkan bernilai RM735,000.



**T. SUBROMANIAM** (tengah) menunjukkan mata wang Taiwan yang diseludup di dalam patung beruang ketika sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), semalam. - BERNAMA

“Walaupun kedua suspek menyorokkan barangan terlarang itu bagi mengaburi pihak berkuasa, kita berjaya mengesan perbuatan mereka.

“Pasangan adik-beradik sudah dihadapkan ke mahkamah baru-baru ini mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 yang memperuntukkan hukuman mati mandatori, jika sabit kesalahan,” katanya.

Pada masa sama, Subromaniam turut memaklumkan, pihaknya juga berjaya mematahkan satu lagi kes penyeludupan dadah jenis sama membabitkan seorang lelaki warga India yang tiba dari Thiruchirapalli di KLIA pada 11

Januari lalu.

Tambahnya, lelaki itu ditahan selepas pemeriksaan terhadap sebuah kotak dibawa suspek mengandungi bahan terlarang seberat 5.20 kg dengan nilai anggaran berjumlah RM364,000 yang disorokkan dalam dapur masak.

“Menerusi pembongkaran kes ini yang berlaku dalam dua minggu pertama tahun ini membuktikan JKDM amat serius memerangi kegiatan penyeludupan dadah.

“Kami akan terus mempertingkatkan aktiviti penguatkuasaan dadah di pintu masuk negara dengan kerjasama pelbagai pihak berkuasa,” ujarnya.



**Pasangan adik-beradik sudah dihadapkan ke mahkamah baru-baru ini mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 yang memperuntukkan hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.”**

**T. SUBROMANIAM**  
Ketua Pengarah JKDM